

PELAN INDUK PASARAN MODAL 3 UNTUK MENYOKONG PERINGKAT PERTUMBUHAN MALAYSIA YANG SETERUSNYA


SC melancarkan *Pelan Induk Pasaran Modal 3 (CMP3)* pada 21 September 2021 pada majlis secara maya yang dirasmikan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.


CMP3 bertindak sebagai rangka kerja strategik bagi pertumbuhan pasaran modal Malaysia sepanjang dalam tempoh lima tahun akan datang (2021-2025). Ia bertujuan memanfaatkan kekuatan dan potensi pasaran modal Malaysia untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif.


CMP3 mengambil kira trend mega global yang akan menentukan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi global dan Malaysia dalam usaha untuk memacu pasaran modal mencapai tiga hasil yang diinginkan.

 Relevan	 Cekap	 Dipelbagai
Peningkatan dalam keberkaitan dengan kemajuan ekonomi dan pihak berkepentingan	Cekap dalam mobilisasi modal, disertai dengan pendekatan pengawalseliaan yang berkembang	Pelbagai , berdaya saing dan dibezakan untuk mencipta nilai bagi peserta yang berbeza-beza


Teras pembangunan


 Memangkin pertumbuhan berdaya saing


 Memperkasa pelabur bagi masa depan yang lebih baik

 Membentuk ekonomi pihak berkepentingan melalui SRI dan ICM

Teras pengawalseliaan

 Menerapkan kebertanggungjawaban bersama

 Menyusun keutamaan kecekapan dan hasil

 Mengharungi era digital

Teras pembangunan pertama adalah memudahkan pengumpulan dana bagi perniagaan yang berdaya saing melalui ekosistem pasaran dan pengantaraan yang pelbagai. CMP3 juga bermatlamat memperkasa semua rakyat Malaysia untuk melabur bagi masa depan mereka dan menggalakkan keterangkuman digital dan perlindungan bagi pelabur rentan. Tambahan pula, melalui tonggak pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI) dan pasaran modal Islam (ICM), CMP3 bermatlamat untuk membentuk ekonomi pihak berkepentingan dengan menggerakkan lebih banyak modal ke arah perniagaan yang mampan.

Selaras dengan itu, pendekatan kawal selia SC juga akan berkembang sebagai tindak balas kepada perubahan trend dan persekitaran pasaran. CMP3 berusaha untuk menerapkan kebertanggungjawaban bersama yang lebih besar dalam pasaran modal, terutamanya tanggungjawab korporat terhadap pihak berkepentingan melangkaui keuntungan jangka pendek. Ia juga bertujuan untuk mencapai hasil pengawalseliaan yang lebih cekap dan ketangkasan yang lebih tinggi dalam perlindungan pelabur melalui pendekatan penguatkuasaan dan penyeliaan yang pantas, berkesan dan bersasar. Di samping itu, ketika industri menjadi semakin lebih berbentuk digital, CMP3 menjangkakan penggunaan teknologi yang lebih besar – Teknologi Kawal Selia (RegTech) dan Teknologi Penyeliaan (SupTech) – ke arah kecekapan yang dipertingkatkan dan kefahaman yang lebih mendalam.



[Baca selanjutnya mengenai CMP3](#)